



NOTIS SEBUT HARGA

1. Sebut harga adalah dipelawa daripada Pembekal / Kontraktor yang berdaftar dengan **Unit Pendaftaran Kontraktor dan Juruperunding (UPKJ)** dalam **Kategori** dan **Jenis Pendaftaran** yang berkaitan serta mempunyai tempoh pendaftaran yang sah untuk membuat tawaran buat masa ini bagi bekalan / perkhidmatan berikut:-

Nombor Rujukan Sebut Harga	Tajuk Sebut Harga	Pendaftaran Kategori, Kepala & Sub- Kepala	Yuran Dokumen (RM)	Tarikh Tutup Pengambilan / Penjualan Dokumen Sebut Harga	Tarikh Tutup Dan Masa Penyerahan Dokumen Sebut Harga
YS/SH/NO.2/2023	<i>Perkhidmatan Sewaan Printer di Yayasan Sarawak, Wisma Adenan Kuching</i>	UPKJ Kategori : B/C Kepala : IV Sub Kepala : 8	RM50.00 (tidak dikembalikan)	23 Jun 2023 (Jumaat)	27 Jun 2023 (Selasa) 12.00 tengahari
YS/SH/NO.3/2023	<i>Perkhidmatan Membekal iPad di Yayasan Sarawak, Wisma Adenan, Kuching</i>	UPKJ Kategori : B/C Kepala : IV Sub Kepala : 8	RM50.00 (tidak dikembalikan)	23 Jun 2023 (Jumaat)	27 Jun 2023 (Selasa) 12.00 tengahari

2. Dokumen sebut harga hanya akan dijual kepada pemilik atau wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis oleh Pemilik / Rakan Kongsi / Pengarah Syarikat. Pemilik atau wakilnya hendaklah mengemukakan **SIJIL ASAL UNIT PENDAFTARAN KONTRAKTOR DAN JURUPERUNDING (UPKJ), SIJIL ASAL PENGIKTIRAFAN STATUS BUMIPUTERA** (jika berstatus Bumiputera) dan **SURAT PERWAKILAN KUASA** (Jika Berkenaan) sebelum dokumen sebut harga dijual kepada Pembekal Kontraktor yang layak.
3. Segala bayaran yang dikehendaki dalam notis sebut harga ini hendaklah dibuat melalui **KAUNTER PEMBAYARAN YAYASAN SARAWAK** dan hendaklah dibuat dalam bentuk **TUNAI**.
4. Dokumen Sebut harga boleh diperolehi di pejabat Yayasan Sarawak, Wisma Adenan, Jalan Sultan Tengah, 93050 Kuching mulai hari **Rabu, 21 Jun 2023** sehingga Jumaat, 23 Jun 2023 pada waktu-waktu berikut:

Hari	Waktu
Isnin-Khamis	8:00 pagi – 12:30 tengahari 2:00 petang – 4:30 petang
Jumaat	8:00 pagi – 11:00 pagi 2:30 petang – 4:30 petang

5. Dokumen Sebut Harga hendaklah dimasukkan sendiri oleh Pemilik / Wakil Syarikat / Firma ke dalam **PETI SEBUT HARGA YAYASAN SARAWAK** dengan menggunakan **sampul berlakri** serta mempunyai catatan **Nombor Sebut Harga** dan **Tajuk Sebut Harga**. Dokumen Sebut Harga hendaklah diserahkan selewat-lewatnya **jam 12:00 tengah hari pada tarikh tutup** di alamat seperti di bawah:-

**Pengerusi Jawatankuasa Sebut Harga
c/o Yayasan Sarawak, Wisma Adenan,
Jalan Sultan Tengah, Petra Jaya, 93050 Kuching**

6. Dokumen Sebut Harga yang diterima selepas tarikh dan masa tutup **tidak akan dipertimbangkan**.
7. **YAYASAN SARAWAK** tidak terikat untuk menerima tawaran terendah atau mana-mana tawaran atau memberi apa-apa sebab di atas penolakan sesuatu tawaran tersebut.

**PENGARAH
YAYASAN SARAWAK
21 Jun 2023**